

## **BAB 4**

### **PELAKSANAAN PENGGUNAAN MEDIA DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI PASTI UMMU AIMAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Media pendidikan ataupun alat bantu mengajar adalah sangat penting seperti yang dijelaskan secara panjang lebar pada bab sebelumnya. Penggunaan media akan menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkualiti dan efektif berbanding dengan pengajaran dan pembelajaran yang tidak menggunakan media pendidikan ataupun tidak menggunakan media pendidikan yang bersesuaian dengan perkembangan para pelajar. Justeru dalam bab ini, pengkaji akan menganalisa berkenaan dengan pelaksanaan dan penerimaan penggunaan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

#### **4.2 Pelaksanaan media pendidikan di PASTI Ummu Aiman**

Media adalah alat yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya terhadap kanak-kanak. Media yang digunakan haruslah mampu menarik perhatian dan mudah difahami oleh mereka. Justeru pengkaji akan menganalisis pelaksanaan media terhadap kanak-kanak yang digunakan di PASTI Ummu Aiman selama lima hari khususnya semasa observasi dilakukan.

Jadual 4.1 analisis aktiviti yang dilakukan pada hari yang pertama.

Bil	Aktiviti	Pengajar	Media pendidikan	Pelajar
(1)	Membaca doa, hadis dan surah pendek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengecam dan mengingat bacaan doa.</li> <li>• Membentuk sikap</li> <li>• Mengawal pelajar dengan menggunakan cara belajar dalam bulatan</li> </ul>	• lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengulangi bacaan.</li> <li>• Terdapat pelajar yang telah mengingati bacaan doa.</li> </ul> <p>= Perkembangan kognitif dan kerohanian.</p>
(2)	Komunikasi perihal diri	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbual dengan bahasa yang mudah.</li> <li>• Menyatakan pemikiran dan perasaan.</li> <li>• Berbual dengan bahasa yang mudah dan perbualan yang betul.</li> </ul>	• Lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Para pelajar berebut untuk bercakap.</li> <li>• Seronok bercerita tentang diri sendiri</li> </ul> <p>= Perkembangan bahasa dan komunikasi</p>
(3)	Puzzle (matematik)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal nombor satu hingga lima.</li> <li>• Perkembangan psikomotor halus.</li> <li>• Pembentukan sikap dan keperibadian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permainan puzzle</li> <li>• Lisan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar-pelajar berani untuk menyelesaikan puzzle.</li> <li>• Pelajar berjaya menjawab dengan betul.</li> <li>• Pelajar seronok.</li> <li>• Bertepuk tangan.</li> </ul> <p>= Perkembangan emosi dan kognitif</p>
(4)	Bacaan Al-Fatihah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengecam dan mengingati bacaan al-Fatihah.</li> <li>• Memahami maksud al-Fatihah.</li> </ul>	• Lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengulangi bacaan</li> <li>• Terdapat pelajar yang telah mengingati bacaan al-Fatihah.</li> </ul> <p>= Perkembangan kognitif dan kerohanian</p>
(5)	Bercerita kisah tauladan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pengajaran dan nasihat melalui kisah teladan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lisan</li> <li>• Buku</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengambil ikhtibar dari kisah teladan.</li> <li>• Bersoal jawab</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merangsang pertuturan melalui soal jawab.</li> <li>• Membentuk akhlak dan keperibadian mulia.</li> </ul>		dengan guru. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berebut untuk menjawab.</li> <li>• Terdapat pelajar yang aktif dan pasif. = Perkembangan kognitif kerohanian dan bahasa serta emosi.</li> </ul>
(6)	Sudut bebas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi kebebasan kepada para pelajar untuk memilih sudut masing-masing.</li> <li>• Belajar sambil bermain.</li> </ul>	• permainan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar memilih sendiri.</li> <li>• Dapat mengembangkan potensi pelajar.</li> <li>• Psikomotor kasar dan halus. = Perkembangan fizikal dan kognitif</li> </ul>

Berdasarkan Jadual 4.1 (1) di atas pengajar telah menetapkan objektif agar pelajar mampu membaca, mengecam dan mengingati bacaan doa di samping membentuk sikap pelajar agar berdisiplin dengan mengawal mereka dalam bentuk bulatan. Pengajar memilih media lisan untuk proses pengajaran dan pembelajarannya. Hampir keseluruhan para pelajar mengulangi bacaan doa yang dibaca oleh guru. Bahkan terdapat para pelajar yang telah mengingati doa-doa tertentu. Justeru, aktiviti ini telah berjaya mengembangkan kognitif dan kemahiran kerohanian para pelajar di PASTI Ummu Aiman. Kurikulum ini dibina berdasarkan konsep *taabbud* kepada Allah dalam setiap aktiviti yang dilakukan termasuk aktiviti bermain.<sup>1</sup> Guru-guru memainkan peranan

---

<sup>1</sup> Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

besar dalam menjayakan konsep tersebut kerana guru bukan sahaja mengajar tetapi juga menjadi ikon yang sangat berpengaruh dalam jiwa dan diri para pelajar.<sup>2</sup>

Gambar 4.1 aktiviti membaca doa di PASTI Ummu Aiman



Gambar 4.1 di atas menunjukkan aktiviti membaca doa di PASTI Ummu Aiman. Guru telah mengarahkan para pelajar membentuk bulatan agar pergerakan mereka mudah dikawal dan diperhatikan oleh guru. Guru akan terlebih dahulu membaca doa dan kemudian akan diikuti oleh para pelajar secara beramai-ramai. Di samping membaca doa guru juga tidak lekang memberikan nasihat yang baik dengan penuh hikmah seperti menyuruh para pelajar bersabar semasa membentuk bulatan.

Seterusnya Jadual 4.1 (2) ialah aktiviti komunikasi perihal diri. Guru akan berbual dengan para pelajar dengan bahasa yang mudah supaya menggalakkan para pelajar berani mengeluarkan pandangan dan menzahirkan perasaan mereka. Pengajar telah menggunakan media lisan sahaja dalam aktiviti ini. Sepanjang aktiviti ini berlangsung, pengkaji mendapati bahawa terdapat pelajar yang aktif iaitu sentiasa

<sup>2</sup> Al-Ghazali, *Mutiara Ihya Ulumuddin*, terj.Irwan Kurniawan, (Beirut: Muassasah Al-Kutub al-Tsaqafah, 1990), 32.

menyampuk dan bersoal jawab dengan guru. Malah tidak dinafikan terdapat juga para pelajar yang hanya diam dan mendengar perbincangan yang berlangsung sahaja. Semasa proses pembelajaran berlaku, perkembangan bahasa dan komunikasi pelajar dapat dibangunkan.

Manakala Jadual 4.1 (3) menjelaskan tentang Aktiviti puzzle matematik. Objektif yang telah ditetapkan oleh pengajar dalam aktiviti ini ialah supaya para pelajar dapat mengenal nombor satu hingga lima di samping membantu perkembangan psikomotor halus dan pembentukan keperibadian para pelajar. Dalam aktiviti ini juga pengajar telah membentuk bulatan dan membahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan lelaki dan perempuan. Pengajar telah memilih permainan puzzle sebagai media pendidikan di samping menggunakan media lisan ketika memberi arahan kepada para pelajar. Para pelajar bersorak dan menyokong kumpulan masing-masing dan para pelajar kelihatan seronok dan teruja ketika bermain. Hasil dari proses pembelajaran tersebut ialah para pelajar dapat menyelesaikan tugasannya puzzle serta dapat mengembangkan kemahiran kognitif dan emosi mereka.

Jadual 4.2 (4) pula ialah aktiviti membaca surah al-Fatihah beramai-ramai. Objektif yang dipilih oleh pengajar dalam aktiviti ini ialah untuk mengukuhkan ingatan para pelajar terhadap surah al-Fatihah dan memahami maksudnya. Pengajar telah memilih media lisan dalam aktiviti ini. Hasil dari proses pembelajaran tersebut ialah hampir keseluruhan para pelajar dapat membaca al-Fatihah dan memahami beberapa maksud ayat. Proses tersebut dapat mengembangkan kognitif dan kerohanian pelajar.

Seterusnya Jadual 4.2 (5) pula ialah aktiviti bercerita kisah teladan. Objektif yang ditetapkan oleh pengajar dalam aktiviti ini ialah untuk memberi pengajaran dan nasihat

kepada para pelajar melalui kisah teladan. Aktiviti ini juga mampu menggalakkan komunikasi para pelajar melalui soal jawab dan sekali gus membentuk akhlak dan keperibadian mulia. Pengajar telah memilih media lisan dan buku sebagai media pendidikan dalam aktiviti ini. Hasil dari proses pembelajaran tersebut ialah perkembangan komunikasi yang terhasil dari soal jawab antara pengajar dan pelajar serta pelajar dapat mengambil iktibar dari cerita yang dikisahkan. Hal ini merangsang perkembangan kognitif, kerohanian dan bahasa pelajar.

Selanjutnya ialah Jadual 4.1 (6) iaitu aktiviti sudut bebas yang berobjektifkan untuk menyediakan suasana gembira iaitu belajar sambil bermain kepada para pelajar. Media yang digunakan dalam aktiviti ini lebih berorientasikan permainan. Hasil dari pembelajaran ini ialah pelajar dapat mengembangkan potensi diri bergantung pada sudut yang dipilih. Walaupun guru memberi kebebasan tetapi para pelajar tetap dikawal dan diperhatikan oleh guru-guru. Aktiviti ini menggalakkan perkembangan fizikal dan kognitif pelajar.

Gambar 4.2 aktiviti bermain mampu memberi kesan positif kepada perkembangan emosi pelajar-pelajar.



Gambar 4.2 menunjukkan aktiviti belajar sambil bermain mampu melahirkan dan mencambahkan minat kanak-kanak terhadap pembelajaran. Penggunaan media khususnya media bermain mampu memberi impak yang positif untuk menarik minat dan kecenderungan mereka ketika proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>3</sup> Melalui aktiviti belajar sambil bermain dapat membantu pembentukan personaliti melalui kerjasama, perkongsian, mengikut peraturan, inisiatif dan kesedaran berkaitan kebersihan dan urutan.<sup>4</sup> Menurut Puan Hajah Khairiah pengaplikasian sudut-sudut di PASTI adalah sangat relevan dan sesuai dengan peringkat usia kanak-kanak.<sup>5</sup>

<sup>3</sup> Mohd. Sharani Ahmad *Psikologi Kanak-Kanak*, 171.

<sup>4</sup> *Ibid.*,

<sup>5</sup> Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

Kesimpulannya, pada hari pertama di PASTI Ummu Aiman menunjukkan bahawa media lisan lebih mendominasi dan menjelaskan bahawa peranan guru adalah sangat penting dalam setiap aktiviti yang berlangsung. Penerimaan pelajar yang cukup baik dan tidak menghampakan merupakan manifestasi bahawa guru adalah penentu kepada daya tarik dalam keberjayaan penggunaan media dalam pengajaran.

Jadual 4.2 analisis aktiviti yang dilakukan pada hari yang kedua

Bil	Aktiviti	Pengajar	Media pendidikan	Pelajar
(1)	Bacaan doa, hadis dan surah pendek	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengecam dan mengingat bacaan doa.</li> <li>Membentuk sikap</li> <li>Mengawal pelajar dengan menggunakan cara belajar dalam bulantan.</li> </ul>	• lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengulangi bacaan.</li> <li>Terdapat pelajar yang telah mengingati bacaan doa.</li> </ul> <p>= Perkembangan kognitif dan kerohanian.</p>
(2)	Nyanyian beramai-ramai	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyanyi dalam bahawa yang mudah.</li> <li>Suasana pembelajaran yang mengembirakan.</li> <li>Menyebut rentak yang betul.</li> </ul>	• Lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seronok menyanyi</li> <li>Menyanyi sambil melakukan pergerakan dan gaya.</li> </ul> <p>= Perkembangan bahasa, kerohanian dan emosi</p>
(3)	Mengenal huruf hijaiyyah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal huruf hijaiyyah</li> <li>Perkembangan psikomotor halus.</li> <li>Pembentukan sikap dan keperibadian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kad imbas</li> <li>Lisan</li> <li>Papan putih</li> <li>Pen</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi tumpuan ketika guru mengajar</li> <li>Pelajar Berjaya menjawab dengan betul.</li> <li>Pelajar seronok.</li> <li>Bertepuk tangan.</li> </ul> <p>= Perkembangan kognitif bahasa dan emosi</p>
(4)	Bacaan Al-Fatihah dan membaca kad nama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengecam dan mengingati bacaan alfatihah.</li> <li>Mengecam dan mengingati huruf.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lisan</li> <li>Kad nama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengulangi bacaan.</li> <li>Terdapat pelajar yang telah mengingati bacaan al- Fatihah.</li> </ul> <p>= Perkembangan kognitif kerohanian, dan bahasa.</p>

(5)	Sudut bebas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi kebebasan kepada para pelajar untuk memilih sudut masing-masing.</li> <li>Belajar sambil bermain.</li> </ul>	• permainan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelajar memilih sendiri.</li> <li>Dapat mengembangkan potensi pelajar.</li> <li>Psikomotor kasar dan halus. =Perkembangan fizikal, kognitif, komunikasi dan sosial.</li> </ul>
(6)	Kreativiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghasilkan kreativiti melalui pelbagai cara.</li> <li>Psikomotor halus.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kertas warna</li> <li>Gunting</li> <li>Gam</li> <li>Kertas putih</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berusaha bersungguh-sungguh menyiapkan tugas yang diberikan.</li> <li>Bertanya kawan-kawan.</li> <li>Menyudahkan tugas walaupun lambat = Perkembangan kreativiti, kognitif dan psikomotor halus.</li> </ul>

Jadual 4.2 (1) menunjukkan aktiviti ini merupakan aktiviti wajib setiap hari iaitu bacaan doa, membaca hadis dan surah pendek. Antara surah hafazan untuk pelajar K4T ialah surah *al-Nas* hingga surah *al-Asr*.<sup>6</sup> Mereka akan mengulangi bacaan setiap hari dan jika guru telah berpuas hati dengan ingatan dan hafazan para pelajar barulah guru akan berpindah ke surah lain dan meneruskan kaedah pengulangan seperti awalnya.

Manakala berdasarkan Jadual 4.2 (2) pengajar telah menetapkan objektif iaitu menyanyi dengan bahasa yang mudah diikuti oleh para pelajar dan para pelajar mampu mengikut rentak yang betul. Di samping itu juga, aktiviti ini berhasrat untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang mengembirakan. Pengajar telah memilih media

---

<sup>6</sup> Norfarahwahyida bt Dzozali, (Guru utama kelas empat tahun, Pusat Asuhan Tunas Islam Ummu Aiman), dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mei 2011.

lisan sahaja dan disertai dengan memek muka dan gaya yang bersesuaian. Aktiviti ini menggalakkan perkembangan bahasa, kerohanian dan emosi pelajar.

Gambar 4.3 menunjukkan aktiviti nyanyian Di PASTI Ummu Aiman.



Gambar 4.3 memperlihatkan aktiviti nyanyian di PASTI Ummu Aiman. Dalam aktiviti ini guru bersama dengan para pelajar menyanyi. Guru juga menggunakan intonasi dan gerak badan yang menarik serta gerakan itu diikuti oleh para pelajar. Kedudukan murid-murid juga dalam keadaan bersila dan diawasi oleh seorang lagi guru. Antara lagu yang dinyanyikan semasa beramai-ramai ialah:

Dong 2X  
Gorila beli buah pisang  
Satu biji sepuluh sen  
Kupas kulit 2X  
Gorila terus makan  
Emmmm sedapnya  
Ding, Dong Dong  
Gorila beli buah limau  
Satu biji dua puluh sen  
Kupas kulit 2X  
Gorila terus makan  
Emmmm masamnya  
Ding, Dong Dong

Gorila beli buah peria  
Satu biji tiga puluh sen  
Kupas kulit 2X  
Gorila terus makan  
Emmmmm pahitnya  
Ding, Dong Dong  
Gorila beli bawang besar  
Satu biji 40 puluh sen  
Kupas kulit 2X  
Gorila terus menangis

Berdasarkan pemerhatian pengkaji sepanjang lagu ini dinyanyikan, pelajar-pelajar dilihat sangat gembira dan seronok menyanyi bersama-sama sambil menunjukkan memek muka bersesuaian dengan lagu yang dinyanyikan. Justeru dalam aktiviti ini, guru telah berjaya mengembangkan kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesai masalah yang dikehendaki dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.<sup>7</sup>

Selanjutnya, berdasarkan Jadual 4.3 (3) pengajar telah menetapkan objektif mengenal huruf hijaiyyah di samping pengembangan sikap positif yang sentiasa dititik beratkan di PASTI. Pengajar telah menggunakan media lisan, papan putih, kad imbas dan pen untuk membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru akan mengajar terlebih dahulu kemudian guru akan berosal jawab dengan para pelajar. Terdapat juga pelajar yang tidak mampu menjawab dengan betul dan akhirnya dibantu oleh guru. Hasil daripada pembelajaran ini para pelajar akan dapat mengembangkan kemahiran kognitif di samping potensi-potensi yang lain, seperti perkembangan emosi dan bahasa.

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4.3 (4) ialah Aktiviti membaca kad nama dan bacaan al-Fatihah. Pengajar telah menetapkan objektif agar dapat mengecam dan mengingati al-Fatihah beserta maksudnya dan dapat mengenal huruf dari kad nama para

---

<sup>7</sup> Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia 2001 dicapai pada 30 Disember 2011 [http://www.moe.gov.my/bpk/sp\\_hsp/pras/pra/prasekolah.pdf](http://www.moe.gov.my/bpk/sp_hsp/pras/pra/prasekolah.pdf).

pelajar. Media yang telah dipilih oleh pengajar dalam aktiviti ini ialah media lisan dan kad nama yang dihasilkan sendiri oleh guru. Hasil daripada pengajaran ini pelajar akan dapat membaca al-Fatihah dan dapat mengenal huruf pada nama masing-masing. Proses ini akan menggalakkan perkembangan kognitif dan kerohanian serta bahasa pelajar.

Gambar 4.4 Aktiviti membaca kad nama di PASTI Ummu Aiman



Gambar 4.4 di atas menunjukkan pelajar membaca kad nama masing-masing di PASTI Ummu Aiman. Aktiviti membaca nama masing-masing pada kad yang digantung di dinding bilik darjah merupakan aktiviti rutin yang dilakukan oleh para pelajar. Mereka akan mengeja nama masing-masing bersama dengan guru dan rakan-rakan. Aktiviti sebegini akan memupuk perkembangan kognitif, bahasa dan komunikasi yang baik kepada para pelajar. Kebolehan berbahasa dan berkomunikasi dengan baik dan berkesan dapat meningkatkan keyakinan dan penglibatan kanak-kanak secara aktif

dalam pembelajaran.<sup>8</sup> Perkembangan ini boleh dicapai melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna dan mengembirakan kanak-kanak seperti aktiviti yang dilakukan di atas iaitu mengeja nama masing-masing.

Manakala Jadual 4.3 (5) di atas adalah sama dengan Jadual 4.2 (6). Para pelajar memilih sendiri untuk bermain di sudut kegemaran mereka dan bermain secara kumpulan atau berseorangan.

Gambar 4.5 Aktiviti sudut bebas di PASTI Ummu Aiman



Gambar 4.5 menunjukkan aktiviti bermain di sudut-sudut pembelajaran mampu melahirkan dan mencambahkan minat kanak-kanak terhadap pembelajaran. Penggunaan media khususnya media permainan mampu memberi impak yang positif untuk menarik

<sup>8</sup> Shahizan Hasan & Ahmad Shahabudin bin Che Noh, *Panduan merancang aktiviti prasekolah* (Selangor: PTS profesional Publishing Sdn. Bhd., 2006), 41.

minat dan kecenderungan mereka ketika proses pengajaran dan pembelajaran.<sup>9</sup> Melalui aktiviti belajar sambil bermain dapat membantu pembentukan personaliti melalui kerjasama, perkongsian, mengikut peraturan, inisiatif dan kesedaran berkaitan kebersihan dan urutan.<sup>10</sup> Aktiviti ini menggalakkan perkembangan komunikasi dan sosial pelajar di samping perkembangan sosial dan kognitif

Selanjutnya pula Jadual 4.3 (6) ialah aktiviti dalam bentuk kreativiti dan estetika. Pengajar telah menetapkan objektif iaitu menghasilkan kreativiti melalui pelbagai cara di samping mengembangkan psikomotor halus para pelajar. Setiap pelajar dibekalkan dengan kertas warna, kertas putih dan gam untuk melakukan aktiviti menampal. Kajian mendapati mereka begitu seronok dan teruja untuk menyiapkan tugas yang diberikan. Hasil dari proses pengajaran ini ialah pelajar dapat mengembangkan kemahiran kreativiti, kognitif dan psikomotor halus. Pelajar juga telah berjaya menyiapkan tugas dengan baik walaupun sedikit lambat.

Gambar 4.6 Aktiviti kreativiti dan estetika yang dilakukan di PASTI Ummu Aiman.



<sup>9</sup> Mohd. Sharani Ahmad *Psikologi Kanak-Kanak*, 171.

<sup>10</sup> Ibid.

Kemahiran motor halus melibatkan kemahiran otot kecil seperti pergerakan jari dan koordinasi jari dan mata.<sup>11</sup> Aktiviti yang dilakukan dalam gambar 4.6 di atas menunjukkan sebahagian daripada aktiviti perkembangan psikomotor halus yang dilakukan di PASTI Ummu Aiman iaitu aktiviti mengunting dan menampal kertas. Berdasarkan pengamatan pengkaji, para pelajar sangat berminat dan cuba melakukan aktiviti sebaik mungkin dan menghasilkan tampilan yang paling baik. Melalui aktiviti ini kanak-kanak kelihatan fokus dan cuba meniru kawan di sebelah. Aktiviti yang terakhir sebelum para pelajar dibenarkan pulang ialah dengan mengulangi kembali bacaan doa dan surah serta hadis hafazan mereka.

Jadual 4.3 analisis aktiviti yang dilakukan pada hari yang ketiga

Bil	Aktiviti	Pengajar	Media pendidikan	Pelajar
(1)	Bacaan doa dan surah pendek	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengecam dan mengingat bacaan doa.</li> <li>Membentuk sikap</li> <li>Mengawal pelajar dengan menggunakan cara belajar dalam bulatan.</li> </ul>	• lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengulangi bacaan.</li> <li>Terdapat pelajar yang telah mengingati bacaan doa.</li> </ul> <p>= Perkembangan kognitif dan kerohanian.</p>
(2)	Bercerita dalam Bahasa Inggeris	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengembangkan perkembangan bahasa</li> <li>Mengembangkan perkembangan komunikasi</li> <li>Mendengar secara aktif</li> <li>Pembentukan sikap dan akhlak</li> </ul>	• Lisan • Buku cerita	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanya soalan tentang cerita yang dikongsikan oleh guru.</li> <li>Mendengar dengan baik.</li> <li>Mengulangi cerita</li> </ul> <p>= Perkembangan bahasa dan kognitif</p>
(3)	Mengenal huruf AEIOU	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal huruf dan bunyi vokal</li> </ul>	• Kad imbas berhuruf	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi tumpuan ketika</li> </ul>

<sup>11</sup> *Ibid.*, 120.

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkembangan psikomotor halus.</li> <li>• Pembentukan sikap dan keperibadian.</li> <li>• Bahasa dan komunikasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad imbas bergambar</li> <li>• Radio</li> <li>• Lisan</li> <li>• Poster</li> </ul>	<p>guru mengajar</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat pelajar yang berjaya mencari pasangan dengan tepat.</li> <li>• Terdapat pelajar yang tidak memahami arahan dan dibantu oleh guru.</li> </ul> <p>= Perkembangan bahasa dan komunikasi serta kognitif serta sosial.</p>
(4)	Nyanyian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerohanian.</li> <li>• Menghafal lagu.</li> <li>• Pembelajaran yang mengembirakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lisan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyanyi bersama-sama.</li> <li>• Mengingati rentak lagu.</li> <li>• Menyebut dengan betul.</li> </ul> <p>= Perkembangan kerohanian dan bahasa.</p>
(5)	Aktiviti luar kelas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Psikomotor kasar</li> <li>• Belajar sambil bermain.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permainan</li> <li>• Lisan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seronok bermain.</li> <li>• Mendengar arahan dan kadang-kadang melanggar peraturan.</li> <li>• Aktif</li> <li>• Bersemangat.</li> </ul> <p>= Perkembangan fizikal.</p>

Jadual 4.3 (1) adalah sama dengan Jadual 4.1 (1). Aktiviti bacaan doa, hadis dan surah pendek adalah aktiviti harian sebelum memulakan pembelajaran di dalam kelas.<sup>12</sup> Selanjutnya ialah Jadual 4.3 (2) iaitu aktiviti bercerita dalam Bahasa Inggeris. Pengajar telah menetapkan objektif iaitu mengembangkan perkembangan bahasa, komunikasi dan

<sup>12</sup> Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

meningkatkan kemahiran mendengar secara aktif. Guru telah menggunakan media lisan khususnya intonasi yang menarik dan buku dalam aktiviti ini. Hasil daripada proses pengajaran ini pelajar akan dapat menceritakan semula cerita yang telah disampaikan oleh guru. Selain itu, aktiviti ini juga dapat mengembangkan kemahiran bahasa dan komunikasi hasil dari soal jawab yang berlangsung.

Manakala berdasarkan Jadual 4.3 (3) pula ialah aktiviti mengenal huruf vokal. Objektif aktiviti ini ialah untuk menperkenalkan bunyi dan huruf vokal kepada para pelajar. Guru terlebih dahulu mengajar kemudian menyediakan aktiviti berpasukan untuk menguji kefahaman mereka. Guru menggunakan media kad imbas, radio dan lisan. Lima orang pelajar dipilih untuk menjadi ketua pagi setiap huruf vokal. Para pelajar perlu mencari dan menentukan mereka tergolong dalam huruf vokal yang mana. Selain itu, para pelajar juga boleh menyemak jawapan dengan melihat poster yang terlekat di dinding PASTI. Hasil daripada proses pembelajaran ini pelajar-pelajar akan dapat mengenal huruf vokal dengan dapat mencari kawan-kawan yang mempunyai huruf vokal yang sama. Walau bagaimanapun terdapat pelajar yang tidak memahami arahan dan hanya memerhati kawan-kawan yang lain. Justeru pelajar-pelajar ini telah dibantu oleh guru untuk mencari kawan-kawan mereka. Proses ini menggalakkan perkembangan bahasa, komunikasi, kognitif dan sosial pelajar.

Jadual 4.3 (4) ialah aktiviti menyanyi lagu kerohanian. Pengajar telah menetapkan objektif agar pelajar dapat mengingati fakta melalui lagu di samping mewujudkan suasana yang gembira dan mengembangkan kemahiran bahasa dan komunikasi para pelajar. Lagu yang biasa dinyanyikan ialah 10 malaikat dan tugasnya, rukun iman dan rukun Islam. Hal ini kerana menyanyi mampu menarik minat para pelajar untuk melibatkan diri secara serius. Hasil dari proses pengajaran ini ialah dapat

meningkatkan pengetahuan para pelajar khususnya tentang agama Islam. Aktiviti menggunakan media lisan ini membantu perkembangan emosi, kerohanian dan bahasa pelajar.

Seterusnya ialah Jadual 4.3 (5) iaitu melibatkan aktiviti di luar kelas. Objektif aktiviti ini ialah untuk mengembangkan fizikal dan menyihatkan badan para pelajar. Pelajar didedahkan dengan media permainan sebagaimana dalam gambar di bawah:

Gambar 4.7 aktiviti fizikal yang dilakukan di luar kelas.



Gambar 4.7 di atas menunjukkan sebahagian daripada aktiviti yang dilakukan di PASTI Ummu Aiman untuk mengembangkan fizikal, iaitu merangkumi aspek pengembangan psikomotor kasar dan psikomotor halus kanak-kanak. Antara aktiviti yang dilakukan ialah aktiviti berjalan di atas titi pengimbang, bergayut, memanjat tangga, mengisi air dalam botol menggunakan span dan bermain pasir. Sebagai contoh, melalui aktiviti mengisi air ke dalam menggunakan span ini, para pelajar akan dapat mengembangkan kemahiran psikomotor halus dan kasar mereka serta mendapat

pengalaman sebenar berkenaan dengan sifat span yang menyerap. Di dalam aktiviti ini juga guru menerapkan disiplin dan sifat sabar agar baju tidak basah dan kotor.

Aktiviti perkembangan fizikal seperti dalam gambar 4.7 banyak menggunakan metode belajar sambil bermain seperti bermain air, puzzle, menghayun dan bergayut dan mengelungsur di papan gelungsur. Aktiviti-aktiviti ini memberi pengalaman langsung kepada para pelajar dan sangat memberi kesan yang positif kepada pengajaran dan pembelajaran mereka. para pelajar perlu diberi peluang untuk menyertai aktiviti pergerakan yang aktif, pantas dan mencabar kerana aktiviti seperti ini akan mengembangkan psikomotor kasar para pelajar dan menyihatkan tubuh badan mereka.<sup>13</sup> Pengalaman yang diperolehi melalui permainan aktiviti fizikal menjadikan mereka seronok apabila mereka dapat menguasai kemahiran tertentu.<sup>14</sup> Walaupun aktiviti ini berbentuk fizikal tetapi penerapan unsur-unsur Islam dan kerohanian tidak pernah diabaikan. Justeru dalam setiap aktiviti yang dijalankan dalam perkembangan fizikal ini, dimulakan dengan bacaan doa dan disusuli dengan nasihat dan pesanan yang baik oleh guru.

Jadual 4.4 analisis aktiviti yang dilakukan pada hari yang keempat

Bil	Aktiviti	Pengajar	Media pendidikan	Pelajar
(1)	Bacaan doa, hadis dan surah pendek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengecam dan mengingat bacaan doa.</li> <li>• Membentuk sikap.</li> <li>• Mengawal pelajar dengan menggunakan cara belajar dalam</li> </ul>	• Lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengulangi bacaan</li> <li>• Terdapat pelajar yang telah mengingati bacaan doa.</li> </ul> <p>= Perkembangan kognitif dan</p>

<sup>13</sup> Rohani binti Abdullah, Nani binti Menon & Mohd Sharani bin Ahmad, *Panduan Kurikulum Prasekolah*, 118.

<sup>14</sup> *Ibid.*

		bulatan.		kerohanian.
(2)	Mengenal anggota tubuh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesihatan.</li> <li>• Menyebut anggota tubuh dengan tepat.</li> <li>• Menyatakan amalan harian untuk menjaga kesihatan tubuh.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lisan</li> <li>• Buku</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyentuh anggota tubuh yang disebut oleh guru.</li> <li>• Dapat menyebut anggota tubuh dengan betul. = Perkembangan kerohanian kesihatan dan keselamatan.</li> </ul>
(3)	Membaca kad nama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengecam dan mengingati huruf.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lisan</li> <li>• Kad nama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengulangi bacaan.</li> <li>• Dapat mengenal huruf = Perkembangan kognitif dan bahasa</li> </ul>
(4)	Anak pintar soleh	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjelaskan tentang sikap yang sepatutnya dimiliki oleh seorang muslim</li> <li>• Adab dan akhlak yang baik</li> <li>• Pembelajaran yang mengembirakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lisan</li> <li>• Buku</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berakh�ak dengan akhlak yang mulia.</li> <li>• Dapat membezakan akhlak yang baik dan buruk = Perkembangan kerohanian</li> </ul>
(5)	Sudut	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Psikomotor kasar</li> <li>• Belajar sambil bermain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permainan</li> <li>• Lisan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seronok bermain.</li> <li>• Mendengar arahan dan kadang-kadang melanggar peraturan.</li> <li>• Aktif</li> <li>• Bersemangat. = Perkembangan fizikal dan sosioemosi</li> </ul>

Jadual 4.4 (1) merupakan aktiviti awal kelas bagi membentuk perkembangan kerohanian pelajar. Seterusnya Jadual 4.4 (2) ialah aktiviti mengenal anggota tubuh. Pengajar telah menetapkan objektif agar para pelajar boleh menamakan anggota tubuh

mereka dan dapat menjaga kesihatan dan mengelakkan daripada gangguan penyakit. Pengajar telah memilih media lisan dan buku dalam proses pengajaran ini. Dalam aktiviti ini guru meminta para pelajar menunjukkan dan memegang anggota badan masing-masing. Hasil dari proses pengajaran dan pembelajaran ini pelajar akan dapat menyebut dengan betul anggota tubuh dan dapat menjaga kebersihan diri. Proses pengajaran dapat dijelaskan berdasarkan gambar 4.8 di bawah;

Gambar 4.8 menunjukkan buku yang digunakan oleh guru dalam aktiviti mengenal anggota tubuh.




Gambar 4.8 menunjukkan buku yang digunakan oleh guru ketika mengajar para pelajar mengenal anggota tubuh. Ketika mengajar anggota tubuh ini, guru mengarahkan para pelajar menyentuh anggota tubuh masing-masing dan mensyukuri nikmat yang telah diberikan oleh Allah kepada manusia dengan menjaganya dengan baik. Aktiviti ini menggalakkan perkembangan kerohanian, kesihatan dan keselamatan pelajar.

Seterusnya Jadual 4.4 (3) adalah sama dengan Jadual 4.2 (4) iaitu aktiviti membaca kad nama yang telah disebutkan dalam penerangan sebelum ini. Manakala

Jadual 4.4 (4) pula ialah aktiviti anak soleh pintar. Pengajar telah menetapkan objektif agar pelajar mendapat gambaran tentang sifat yang sepatutnya dimiliki oleh seorang muslim. Pengajar juga telah menggunakan media lisan dan buku Anak Soleh Pintar dalam aktiviti ini. Hasil daripada proses pengajaran ini pelajar akan dapat mengetahui dan membezakan akhlak yang baik dan perilaku yang buruk serta membenci sifat mazmumah. Proses ini dapat dijelaskan sebagaimana gambar 4.9 di bawah;

Gambar 4.9 menunjukkan Buku Anak Soleh Pintar



Gambar 4.9 di atas menunjukkan buku Anak Soleh Pintar yang membantu perkembangan kerohanian para pelajar di PASTI Ummu Aimani. Buku soleh pintar ini mengandungi unsur-unsur kerohanian yang mampu membentuk kanak-kanak ataupun para pelajar menjadi muslim yang beriman dan soleh. Hal ini demikian kerana di dalam buku ini mengandungi penerangan tentang amalan sehari-hari yang seharusnya dilakukan oleh seorang anak yang soleh bermula dari bangun tidur serta aktiviti-aktiviti sehari-hari yang lain. Buku ini juga menerangkan mengenai perkara yang sepatutnya dilakukan oleh

seorang anak, hamba Allah serta murid dalam kehidupan sehari-hari. Seterusnya guru akan melakukan aktiviti membaca sambil bersoal-jawab dengan para pelajar tentang buku yang dibaca. Lantaran itu dapatlah disimpulkan bahawa pihak PASTI Ummu Aimah sangat prihatin dan cakna terhadap bahan yang digunakan khususnya isi kandungan dan animasi yang digunakan supaya sesuai dengan konsep *taabbud* yang ingin diterapkan.<sup>15</sup>

Selanjutnya ialah Jadual 4.4 (5) ialah aktiviti di sudut-sudut yang terdapat di PASTI Ummu Aimah. Antara sudut yang menjadi pilihan para pelajar pada hari ini ialah sudut lukisan.

Gambar 4.10 perkembangan kreativiti kanak-kanak yang dilakukan di ruangan sudut.



Gambar 4.10 di atas menunjukkan kanak-kanak sedang melukis dan mewarna dan menzahirkan daya kreativiti dan imaginasi mereka. Kanak-kanak diberi kebebasan untuk melakukan aktiviti yang disukai pada sudut-sudut yang disediakan. Terdapat

<sup>15</sup> Pn Hjh Khairiah Mohd, (Bahagian Kurikulum Jabatan PASTI Malaysia Kurikulum 4 tahun (K4T)), dalam temubual dengan pengkaji, 18 Mei 2011.

kanak-kanak yang memilih untuk melakukan aktiviti secara bersendirian ataupun secara berkumpulan. Aktiviti yang dilakukan secara sendirian adalah seperti melukis, menyusun blok kayu dan bermain dengan replika binatang. Justeru, Belajar sambil bermain adalah konsep keseluruhan yang perlu diterapkan dalam pendekatan pengajaran di prasekolah.<sup>16</sup> Berdasarkan pemerhatian pengkaji, para pelajar akan memilih sendiri sudut yang disukai tetapi akan berpindah dari satu sudut ke satu sudut yang lain. Mereka tidak statik berada di satu sudut sahaja tetapi terus bergerak dan berinteraksi dengan kawan-kawan yang lain. Hal ini kerana, belajar sambil bermain akan membantu perkembangan fizikal, sosioemosi dan kognitif kanak-kanak.

Jadual 4.5 analisis aktiviti yang dilakukan pada hari yang kelima

Bil	Aktiviti	Pengajar	Media pendidikan	Pelajar
(1)	Bacaan doa, hadis dan surah pendek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengecam dan mengingati bacaan doa.</li> <li>• Membentuk sikap.</li> <li>• Mengawal pelajar dengan menggunakan cara belajar dalam bulatan.</li> </ul>	• Lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengulangi bacaan.</li> <li>• Terdapat pelajar yang telah mengingati bacaan doa.</li> </ul> <p>= Perkembangan kognitif dan kerohanian</p>
(2)	Bola beracun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menguji tahap ingatan pelajar.</li> <li>• Menghafaz doa-doa ringkas</li> <li>• Mengamalkan tatasusila dan akhlak Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lisan</li> <li>• Gambar</li> <li>• Alat perakam</li> <li>• Bola</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat pelajar yang berjaya menjawab soalan</li> <li>• Perkembangan kognitif berlaku.</li> </ul> <p>= Perkembangan kerohanian, bahasa dan emosi.</p>
(3)	Membaca kad nama	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengecam dan mengingati huruf.</li> </ul>	• Lisan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenal huruf dan bacaan lebih lancar.</li> </ul> <p>= Perkembangan kognitif</p>

<sup>16</sup> Putri Zabariah Megat Abdul Rahman, Bustam Kamri, Raja Hamiza, *Tadika berkualiti*, (Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd., 2006), 52.

				dan bahasa
(4)	Mengenal huruf	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingati dan mampu menyebut huruf huruf yang dipelajari.</li> <li>• Pembelajaran yang mengembirakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lisan</li> <li>• Kad imbas</li> <li>• Papan putih</li> <li>• Pembaris</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat mengenal dan menyebut huruf.</li> <li>• Dapat membezakan huruf.</li> </ul> <p>= Perkembangan bahasa dan kognitif.</p>
(5)	Allah Maha Pencipta	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerohanian.</li> <li>• Belajar menulis dan mewarna.</li> <li>• Mengetahui bentuk alam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku</li> <li>• Lisan</li> <li>• Papan putih</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengetahui kehebatan dan keagungan Allah.</li> <li>• Melakukan tugasan.</li> <li>• Mendengar arahan.</li> <li>• Bersemangat.</li> <li>• Berkomunikasi.</li> </ul> <p>= Perkembangan kerohanian dan kognitif</p>

Jadual 4.5 (1) merupakan aktiviti biasa di awal proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala berdasarkan Jadual 4.5 (2) di atas, pengajar telah menetapkan objektif iaitu untuk menguji dan mengetahui tahap ingatan pelajar khususnya doa-doa ringkas yang telah diajar oleh para guru. Media yang telah digunakan oleh pengajar ialah media lisan, gambar, bola dan juga alat perakam. Hasil dari proses pengajaran ini ialah pengajar dapat mengenal pasti tahap ingatan dan hafazan para pelajar di samping menguji kecerdasan kognitif para pelajar melalui permainan bola beracun.

Gambar 4.11 Aktiviti Bola Beracun di PASTI Ummu Aiman.



Gambar 4.11 juga menunjukkan aktiviti permainan bola beracun. Aktiviti ini dilakukan dalam kumpulan besar dan para pelajar diarahkan supaya membentuk bulatan. Guru terlebih dahulu akan menunjukkan beberapa keping gambar sebelum memulakan aktiviti. Antara gambar yang ditunjukkan ialah gambar ibu bapa, gambar masuk tandas, gambar di dalam kelas dan gambar yang menunjukkan suasana sedang makan. Aktiviti diteruskan dengan permainan bola beracun sambil diiringi oleh muzik lagu PASTI. Pelajar yang memegang bola apabila muzik berhenti akan mengambil gambar di dalam bulatan. Guru akan bertanya apakah yang difahami oleh pelajar tersebut berdasarkan gambar yang diambil. Guru bertanya “*Gambar apa yang kamu ambil?*” Pelajar menjawab. “*Gambar ibu bapa*”

Seterusnya guru akan meminta pelajar tersebut membacakan doa kepada kedua ibu bapa. Jika pelajar terlupa atau tersalah guru akan membantu memperbetulkan dan

memberi penghargaan berupa tepukan dan pujian kepada pelajar yang menjawab dengan betul. Suasana berani mencuba dan tidak takut untuk kehadapan antara sikap yang boleh dilihat di dalam kelas ini. Imam al-Ghāzālī juga menekankan metodologi memberi pujian khususnya untuk menggalakkan dan mendorong kanak-kanak untuk melakukan kebaikan.<sup>17</sup> Aktiviti ini menghasilkan perkembangan kerohanian, bahasa dan emosi pelajar.

Manakala Jadual 4.5 (3) juga telah diterangkan di atas iaitu aktiviti membaca kad nama sebelum ini. Selanjutnya ialah Jadual 4.5 (4) iaitu aktiviti mengenal huruf. Objektif aktiviti ini ialah mempelajari dan mengingati huruf-huruf yang akan dipelajari. Dalam aktiviti ini guru telah menggunakan media lisan, kad imbas, papan putih dan pembaris. Hasil daripada proses pembelajaran ini ialah pelajar dapat mengenal dan menghafal huruf-huruf baru di samping membezakan dengan huruf-huruf yang telah dipelajari. Guru memberikan huruf H-N kepada semua para pelajar dan mereka dikehendaki mencari kawan yang mempunyai nombor yang sama. Terdapat pelajar yang tidak bertemu dengan kumpulan yang sama dan telah dibantu oleh guru. Apabila mereka telah menemui kawan masing-masing mereka akan duduk dalam barisan dan guru akan memulakan aktiviti. Aktiviti yang dimaksudkan ialah menguji kepekaan para pelajar iaitu dengan menyebut kumpulan pelajar yang mewakili huruf tertentu supaya bangun. Aktiviti ini mampu menguatkan ingatan para pelajar tentang huruf yang dipelajari dan mampu menarik perhatian mereka. hasil pembelajaran menggalakkan perkembangan kognitif dan bahasa pelajar.

---

<sup>17</sup> Asmawati Suhid, Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam ( Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 2009), 87

Seterusnya, berdasarkan Jadual 4.5 (5) di atas, pengajar telah menetapkan objektif iaitu penekanan dari sudut kerohanian khususnya akidah. Aktiviti ini menggunakan media pendidikan iaitu papan putih, lisan dan buku ‘Allah Maha Pencipta’ dan belajar sambil menulis dan mewarna. Hasil daripada pengajaran ini ialah pelajar mengetahui bahawa Allah adalah tuhan yang Maha Hebat yang telah mencipta alam ini. selain itu pelajar juga mendapat gambaran berkenaan bentuk bumi, bulan dan matahari.

Gambar 4.12 Aktiviti Allah Maha Pencipta di PASTI Ummu Aiman



Gambar 4.12 di atas menunjukkan guru melakukan aktiviti melukis di papan putih sambil pelajar-pelajar memerhati buku masing-masing. Aktiviti ini ialah menggunakan buku Allah Maha Pencipta dan menerangkan tentang alam ciptaan tuhan. Antara aktiviti yang terdapat dalam buku ini ialah mewarna, melukis berdasarkan garisan dan mengenal warna. Guru telah menggunakan media dalam bentuk buku dan papan putih sebagai medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru terlebih dahulu menerangkan apa yang perlu dilakukan dan kemudian menyuruh para

pelajar mengulangi apa yang telah dilakukan oleh guru di papan putih. Sepanjang aktiviti berlangsung kajian melihat terdapat juga para pelajar yang tidak memberi tumpuan dan terdapat juga yang tidak tahu apa yang perlu dilakukan. Tetapi guru telah bertindak dengan bijak dengan pergi kepada setiap pelajar dan membantu mereka melakukan kerja dengan baik. Aktiviti tersebut menggalakkan perkembangan kerohanian dan kognitif pelajar.

Kesimpulannya, penggunaan media pendidikan yang sesuai telah berjaya menarik perhatian dan mampu diterima dengan baik oleh para pelajar. Penerimaan yang dapat dilihat oleh pengkaji ialah melalui respon dan kerjasama serta hasil kerja yang dilakukan oleh para pelajar. penonjolan emosi gembira dan teruja merupakan salah satu bukti penerimaan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilahirkan oleh para pelajar. Walau bagaimanapun terdapat juga para pelajar yang tidak menunjukkan sebarang emosi dan tidak mampu melakukan tugas yang diberikan. Tetapi hal ini telah ditangani dengan baik oleh para guru. Mereka telah melalui satu proses pengajaran yang cukup sempurna dan seimbang iaitu dari segi kognitif sehinggalah kepada kerohanian. Proses pengulangan juga dilakukan apabila setiap kali memulakan kelas khususnya bacaan doa. Ini bersesuaian dengan konsep *taabbud* yang ditekankan oleh PASTI Ummu Aiman.

#### **4.5 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya media pendidikan tidak dapat berfungsi dengan baik jika tidak diurus dan digunakan oleh guru yang berdedikasi dan berjiwa besar. Kolaborasi antara guru dan media pendidikan akan menghasilkan impak yang positif dalam perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Keseriusan dan kesungguhan guru PASTI Ummu Aiman

dalam mendidik anak-anak untuk menjadi golongan soleh pintar perlu dicontohi. Walaupun kebanyakan media yang dihasilkan menggunakan kos yang rendah namun telah memberi kesan yang hebat kepada para pelajar. Sebagai contoh, media tradisi yang diamalkan iaitu menggunakan lisan masih lagi sesuai dan signifikan terhadap kanak-kanak khususnya dalam proses pembentukan akhlak yang mulia dan jati diri muslim soleh yang sebenar. Tuntasnya, Media pendidikan yang diamalkan di PASTI Ummu Aiman juga telah diterima dengan baik oleh para pelajar. Hal ini dibuktikan dengan respon yang baik dan hasil kerja yang dilakukan oleh para pelajar. Berdasarkan apa yang dijelaskan di atas maka jelaslah bahawa media merupakan pemacu kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran ke arah yang lebih efisyen dan dinamik.